

03/05/1998

Pengganti KM Sabah diumumkan tidak lama lagi

KOTA KINABALU: Keputusan siapakah pengganti Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee akan dibuat tidak lama lagi apabila beliau menamatkan tempoh perkhidmatannya 28 Mei ini.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Mohamed Rahmat, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memutuskan perkara itu tidak lama lagi.

"Keputusan Perdana Menteri itu perlu diterima baik oleh semua pihak dan anggota komponen BN perlu bersatu padu dalam hal ini," katanya.

Menerusi sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang dilaksanakan sejak BN mengambil alih tampuk pemerintahan Sabah itu, ia akan dipegang oleh pemimpin Bumiputera Islam, China dan Bumiputera bukan Islam.

Mohamed berkata demikian kepada pemberita di sini selepas merasmikan Sambutan RTM ke-52 di sini, semalam.

Menurutnya, beliau yakin BN mampu mengekalkan pemerintahannya di negeri itu berikutan sokongan rakyat.

Mengenai penubuhan Parti Bersekutu, katanya BN tidak bercadang menerima anggota komponen baru dalam parti itu walaupun ia menang dalam pilihan raya akan datang.

Beliau juga menafikan khabar angin yang mengatakan Kerajaan Persekutuan menyokong penubuhan parti itu.

"Jika ada kenyataan Bersekutu mengenai perkara itu, ia adalah tipu muslihat politik untuk mendapat sokongan rakyat," katanya.

Beliau juga meminta Presiden Bersekutu, Datuk Harris Salleh menjelaskan kedudukannya dalam Umno, kalau tidak dia akan dibuang daripada parti itu, katanya.

(END)